

SOALAN TEMUBUAL

PEGAWAI DI PPD / JPN

1. Secara umum bagaimanakah tahap amalan dan penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar Islam.
2. Adakah keterlibatan pelajar dalam gejala sosial boleh dijadikan *indicator* bahawa penghayatan ibadah pelajar masih di tahap rendah.
3. Sejauhmana GPI telah menerapkan konsep amalan dan penghayatan dalam P & P.
4. Apakah program-program dakwah yang dirancang dan dilaksanakan oleh PPD / JPN dalam usaha meningkatkan amalan dan penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar.
5. Sejauhmana pencapaian GPI dalam melahirkan pelajar yang mengamalkan dan menghayati ibadah.

SOALAN TEMUBUAL

PELAJAR

1. Secara umum, bagaimanakah tahap amalan dan penghayatan ibadah khusus harian dalam kalangan pelajar.
2. Adakah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah sudah mencukupi untuk membolehkan pelajar memahami, mengamalkan dan seterusnya menghayati ibadah (wajib & sunat).
3. Adakah anda setuju bahawa amalan dan penghayatan ibadah pelajar dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti guru, sekolah, ibu bapa, rakan dan persekitaran.
4. Jika setuju, faktor yang manakah paling mendominasi mempengaruhi pelajar.
5. Berkenaan ibadat solat, solat apakah yang paling kerap ditinggalkan oleh pelajar.
6. Pada pendapat anda, mengapa remaja kurang mengambil berat kewajipan ibadah solat walaupun mereka mengetahui tentang kewajibannya.
7. Sejauhmana pelajar ada mengamalkan ibadat sunat.
8. Ibadat sunat manakah yang sering diamalkan oleh pelajar.

SOALAN TEMUBUAL

GURU PENDIDIKAN ISLAM

1. Bagaimanakah sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.
2. Adakah pelajar Islam tingkatan 4 dan 5 telah mampu mengamalkan ibadat khusus yang wajib dan sunat mengikut peraturan yang sepatutnya.
3. Adakah pelajar telah mempunyai kesedaran diri mengenai ibadah sama ada yang wajib mahu pun yang sunat.
4. Adakah guru ada melaksanakan dan menerapkan konsep penghayatan dalam proses P & P.
5. Adakah peruntukan satu waktu untuk amali dapat membantu menerapkan nilai penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar.
6. Adakah ujian PAFA dapat membantu meningkatkan penghayatan ibadah pelajar.
7. Apakah program-program yang dirancang oleh Panitia Pendidikan Islam untuk menerapkan dan mengukuhkan penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar.

KAUNSELOR SEKOLAH

1. Adakah terdapat hubungkaitan antara penghayatan dalam ibadah dengan sahsiah pelajar.
2. Adakah P & P mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM telah berjaya membimbing pelajar untuk menghayati ibadah.